

20 JAN 1999

Mustapa-BN

LAWATAN PM TIUP SEMANGAT BARU PADA BN KELANTAN

JELI, 20 Jan (Bernama) -- Lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kelantan Khamis lepas telah meniupkan semangat baru kepada Barisan Nasional (BN) khususnya Umno untuk merampas kembali teraju pemerintahan negeri ini daripada Pas pada pilihan raya umum akan datang.

Naib Pengerusi BN Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed berkata selepas lawatan Perdana Menteri itu semangat seluruh jentera pilihan raya BN telah meningkat sebagai persediaan menghadapi pilihan raya yang semakin singkat.

"Jentera pilihan raya BN akan bekerja bersungguh-sungguh untuk memastikan Kelantan diperintah oleh BN selepas pilihan raya umum ini," katanya kepada pemberita di majlis rumah terbuka Hari Raya beliau di sini, hari ini.

Dalam lawatan kerja sehari ke Kelantan, Perdana Menteri yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan telah mempengerusikan mesyuarat badan perhubungan itu dan perjumpaan tertutup dengan wakil-wakil rakyat dari Barisan Nasional.

Dr Mahathir ketika bercakap kepada pemberita, menaruh keyakinan bahawa BN boleh merampas semula Kelantan daripada Pas berdasarkan kepada penerimaan beberapa tindakan yang diambil oleh BN.

Mustapa yang juga Menteri Kewangan Kedua dan Menteri Pembangunan Usahawan berkata, BN akan terus membangunkan rakyat dan memajukan negeri ini setanding dengan negeri-negeri lain apabila memenangi pilihan raya umum kelak.

"Walaupun Kelantan diperintah oleh Pas, BN selama ini bekerja keras untuk mewujudkan kesejahteraan kepada rakyat dan memajukan negeri ini," katanya.

Beliau berkata, pembangunan rakyat dan kemajuan Kelantan akan lebih terserlah lagi sekiranya rakyat memberi peluang kepada BN untuk memerintah negeri ini berdasarkan kemampuan BN memajukan negeri-negeri lain yang diperintahnya.

"Rakyat kini boleh menilai sendiri apa yang Pas telah lakukan dalam tempoh 10 tahun iaitu sejak 1990 memerintah Kelantan, tidak banyak perubahan yang mereka lakukan," katanya.

Sehubungan itu, beliau yang juga anggota Parlimen Jeli berkata kerja yang bersungguh-sungguh dan perpaduan yang bertambah kukuh antara anggota BN termasuk Umno akan membantu BN memenangi pilihan raya umum kelak.

--BERNAMA

BD AR